

Hubungan di antara dimensi personaliti, Konsep Kendiri dan pengaruh keluarga ke atas pencapaian pelajar di Rancangan Skim Felda, Johor

Azizi Hj. Yahaya, Koay Ting Yin, Ismail Maakip, Peter Voo, Balan Rathakrishnan,
Universiti Malaysia Sabah

The purpose of this study was to identify the relationship between the dimensions of personality, self-concept and family influence on students' performance. The sample consists of 214 students from two secondary schools in the FELDA settlement in Johor. Random cluster sampling was employed to select participants for the study. A pilot test was conducted to assess the internal consistency of the questionnaire used in the study which was the Malay version of the Junior Eysenck Personality Inventory (JEPI) ($\alpha = .57$), the Malay version of the Tennessee Self-concept Scale ($\alpha = .86$) and the family influence questionnaire ($\alpha = .79$). These instruments were used to examine the effects of family influence in the aspects of family cohesiveness, religious and moral aspect and freedom aspect. Pearson's Correlation was used to analyze the relationship between the dimensions of personality, self-concept and family influence. The results show a relationship between the dimensions of personality and self-concept, and between the dimensions of personality and family cohesiveness. However, there was no relationship between the dimensions of personality and the religious and moral and freedom aspect. The results also show that there was a strong relationship between self-concept and family cohesiveness and a moderate relationship between self-concept and the religious and moral aspect. However, there was no relationship between self-concept and freedom. The implications of the study were also discussed.

Keywords: Personality dimensions, Self-concept, family influence, Felda Scheme

Pengenalan

Malaysia telah melangkah ke alaf baru dengan harapan dunia sains dan teknologi ini akan membawa lebih keselesaan dan kesenangan bagi rakyat jelata. Namun begitu, dalam arus kebangkitan ummah sekarang, telah muncul beberapa cabaran dan halangan yang harus ditangani. Kemajuan dalam bidang sains dan teknologi juga telah mencorakkan kehidupan insan dan menggerakkan keinginan manusia untuk mencapai tahap ideal. Walau bagaimanapun, ciri-ciri kemanusiaan haruslah dipupuk selaras dengan kemajuan sains dan teknologi.

Pendidikan yang utuh dan baik memainkan peranan yang penting untuk melahirkan bangsa yang kuat dan mulia di samping dapat membentuk generasi muda menjadi rakyat yang dapat menyumbang kepada perkembangan ekonomi, sosial, kebudayaan dan politik negara. Falsafah Pendidikan Negara yang bertujuan memanusiaikan manusia haruslah diberikan keutamaan dalam hal ini. Falsafah Pendidikan Negara juga bertanggungjawab melahirkan warganegara yang mempunyai sahsiah yang baik dan seimbang, berketrampilan, berakhlak mulia serta patuh kepada Tuhan. Hal ini tidak menjadi masalah kerana kurikulum sekolah menengah dan rendah di Malaysia adalah berlandaskan falsafah ini.

Mizan Adiliah et al., (2000) berpendapat perbezaan ini akan menyebabkan setiap individu mempunyai dimensi personaliti yang berbeza-beza dan mempunyai tanggapan tertentu tentang konsep dirinya. Konsep sendiri boleh dianggap sebagai cara seorang melihat dirinya sendiri serta keupayaannya untuk menilai kekuatan dan kelemahan yang dimilikinya. Kamaruddin (1996) pula menyatakan personaliti menentukan persepsi atau tanggapan orang lain, sementara konsep sendiri menekankan tanggapan individu itu terhadap dirinya sendiri. Oleh itu, hubungan dan ikatan dalam sesebuah keluarga adalah penting. Ikatan dalam keluarga serta peranan yang dimainkan oleh ahli keluarga pada masa ini berbeza berbanding dengan peranan keluarga pada zaman dahulu. Ini adalah kerana peningkatan dalam kemajuan teknologi dan proses industriliasasi serta globalisasi.

Fungsi keluarga adalah meneruskan keturunan. Ia mempunyai pengaruh yang sangat kuat terhadap pembentukan seseorang kanak-kanak. Ini adalah memandangkan lebih banyak masa dihabiskan di rumah bersama ahli keluarga dibandingkan dengan di sekolah. Robiah dan Zaiton (1987) berpendapat sekolah tidak dapat mengambil alih peranan sepenuhnya dari keluarga walaupun dalam satu negara maju. Di samping itu, Halimah dan Kamariah (1993) mengatakan bahawa ibu bapa mempengaruhi perkembangan konsep sendiri dan personaliti kanak-kanak sebelum mereka masuk sekolah. Ibu bapa dapat membentuk dan memantapkan personaliti anak-anak mereka. Jika ahli keluarga tidak dapat melaksanakan tugas mereka dengan sempurna, maka golongan remaja yang terbentuk tidak akan mempunyai peribadi yang terpuji. Akibatnya, golongan remaja akan terjebak dalam masalah sosial yang semakin berleluasa sekarang. Akibat kekurangan kasih sayang dari ibu bapa, mereka akan memberontak dan melibatkan diri dalam masalah sosial seperti salah laku seks, bersekedudukan tanpa ikatan perkahwinan, lepak, mengambil dadah, merokok, lumba haram, merompak dan banyak lagi. Gejala sosial ini telah lama menular ke negara kita tanpa kita sedari betapa besar masalahnya.

Latar belakang Masalah

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun; walau bagaimanapun, masih terdapat banyak masalah serius yang harus ditangani oleh pihak pemerintah dan rakyatnya. Sejak akhir-akhir ini, masalah sosial remaja mendapat perhatian dan liputan luas di akhbar-akhbar tempatan, media massa dan elektronik. Masalah sosial ini menjadi semakin membimbangkan semua pihak yang terlibat terutamanya masyarakat sekeliling. Masalah ini bertambah rumit kerana ada kecenderungan mereka yang melakukan kejahatan semasa kecil menjadi penjenayah besar di masa hadapan. Masalah kenakalan juvana ini atau umumnya gejala sosial remaja adalah gejala dunia moden yang *universal* yang hampir dialami oleh semua negara di dunia hari ini Negara kita telah dilanda masalah ini sejak 30 – 40 tahun yang lalu (Manja, 1990). Isu ponteng sekolah yang telah diberikan perhatian yang serius kerana berkait rapat dengan masalah sosial iaitu penyalahgunaan dadah di kalangan belia. Masalah sosial ini bukan hanya melanda para remaja di bandar malah di luar bandar juga terutamanya di rancangan FELDA. Anak-anak muda dari rancangan FELDA ini yang telah terjebak dalam gejala sosial akan menjejaskan kehidupan dan masa depan mereka.

Masalah yang timbul ini mungkin berpunca dari kelemahan dalam fungsi sistem keluarga dan peranan yang dimainkan oleh ahli keluarga. Akibatnya, konsep sendiri dan pembentukan dimensi personaliti kanak-kanak akan terjejas. Seorang kanak-kanak boleh dipengaruhi dan dibentuk melalui satu proses yang perlahan iaitu dengan memerhatikan dan berinteraksi dengan individu di sekelilingnya. Interaksi ini akan membolehkan seseorang kanak-kanak membentuk sikap, konsep kendirinya sendiri serta dimensi personalitinya. Di rancangan FELDA, ibu bapa sibuk bekerja keras di ladang dan anak-anak di rumah adalah terbiar. Masa yang diluangkan bersama anak-anak adalah kurang dan ini menyebabkan kurang kasih sayang antara ahli keluarga serta anak-anak ini akan memberontak. Pembinaan institusi keluarga bahagia mampu mengawal merebaknya masalah sosial. Keluarga yang mantap dan bahagia akan menghasilkan anak yang bebas dari masalah sosial dan membesar dalam sekitaran baik, aman, seimbang, berbudaya serta berlandaskan norma-norma masyarakat. Adalah penting bagi pelajar untuk mengenalpasti jenis personaliti, konsep kendirinya serta persekitaran yang menyumbang ke arah pembentukannya. Ini akan membolehkan masyarakat, sekolah khususnya keluarga membuat perubahan dan penyesuaian agar ia berjaya dalam hidup.

Pernyataan Masalah

Malaysia adalah sebuah negara yang sedang membangun. Untuk terus maju, setiap lapisan ahli masyarakat haruslah menyumbangkan tenaga. Golongan remaja yang merupakan golongan penyumbang tampuk kepimpinan negara haruslah mempunyai Konsep sendiri tinggi dan peribadi atau personaliti yang boleh dikagumi. Oleh itu, persoalan yang sering menghantui masyarakat masa kini adalah bagaimana golongan remaja ini terjebak dalam gejala sosial dan faktor-faktor lain khususnya yang turut menyumbang dan mempengaruhi penglibatan golongan remaja dalam masalah sosial ini. Faktor-faktor yang ingin dikaji adalah keberkesanan masa

berkualiti yang diluahkan bersama dengan anak-anak ataupun pengaruh ahli keluarga yang dapat dilihat dari aspek kesepaduan keluarga, keagamaan dan moral serta kebebasan yang diberikan kepada anak. Berdasarkan semua yang dinyatakan di atas, bagaimanakah faktor-faktor yang dibincangkan ini mempengaruhi dan menyumbang ke arah pembentukan konsep sendiri dan dimensi personaliti golongan remaja di rancangan FELDA?

Objektif Kajian

1. Mengenalpasti dimensi personaliti pelajar di rancangan FELDA.
2. Mengetahui samaada terdapat perhubungan di antara dimensi personaliti dengan konsep sendiri.
3. Mengetahui samaada terdapat perhubungan di antara dimensi personaliti dan konsep sendiri dengan penglibatan atau pengaruh keluarga.

Hipotesis Kajian

Hipotesis null yang dibentuk untuk mencapai objektif kajian adalah seperti berikut:

1. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi - Neurotisme dengan konsep sendiri.
2. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi - Neurotisme dengan pengaruh keluarga secara keseluruhan.
3. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pengaruh keluarga.
4. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi - Neurotisme dengan aspek kesepaduan keluarga.
5. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan aspek kesepaduan keluarga.
6. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi - Neurotisme dengan aspek keagamaan dan moral.
7. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan aspek keagamaan dan moral.
8. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi - Neurotisme dengan aspek kebebasan.
9. Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan aspek kebebasan.

Reka bentuk kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk tinjauan deskriptif yang tertumpu pada hubungan dimensi personaliti dan konsep sendiri dengan pengaruh keluarga pelajar-pelajar Tingkatan 4 di beberapa buah sekolah di Tanah Perancangan FELDA di Johor. Kajian ini melibatkan kajian secara deskriptif dan kajian inferensi. Reka bentuk kajian deskriptif adalah digunakan untuk mendapatkan kekerapan, peratusan serta taburan min. Kajian tinjauan inferensi adalah dijalankan untuk menentukan perhubungan di antara pembolehubah. Korelasi Pearson digunakan untuk menganalisis data yang diperolehi untuk melihat darjah hubungan dimensi-dimensi personaliti, konsep sendiri dan penglibatan keluarga.

Prosedur Kajian

Kajian melalui perpustakaan telah dimulakan awal untuk mendapat maklumat tentang kajian-kajian lepas yang telah dijalankan tentang dimensi personaliti, konsep sendiri dan penglibatan keluarga. Penyelidik telah mendapatkan surat kebenaran untuk menjalankan kajian dari pihak fakulti. Penyelidik dapat menjalankan kajian dengan mudah serta mendapat kerjasama semua pihak.

Penyelidik telah menghantar permohonan ke bahagian Perancangan Dasar Kementerian Pendidikan (EPRD) untuk mendapatkan kebenaran menjalankan kajian. Seterusnya, kebenaran juga diminta dari pihak Jabatan Pendidikan Negeri untuk menjalankan kajian di sekolah-sekolah. Kebenaran dari pihak Pengetua juga telah didapati untuk menggunakan pelajar-pelajarnya sebagai responden kajian. Satu kajian rintis telah dijalankan untuk menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang akan digunakan. Dengan kerjasama guru kelas, soal selidik diedarkan kepada responden dan penjelasan telah diberikan. Responden diminta menjawab kenyataan-kenyataan yang diberikan secara jujur.

Tempat Kajian

Kajian ini telah dijalankan di dua buah sekolah menengah di Tanah Perancangan FELDA di negeri Johor. Dua buah sekolah menengah ini dipilih kerana ia memenuhi ciri-ciri yang sesuai untuk mendapatkan responden kajian bagi mencapai tujuan kajian. Para pelajar di sekolah ini terdiri daripada pelajar-pelajar luar bandar iaitu di Tanah Perancangan Felda.

Populasi dan Jumlah Sampel

Populasi kajian ini adalah seramai 494 orang dari dua buah sekolah menengah FELDA di negeri Johor. Penentuan saiz sampel telah dijalankan berdasarkan jadual penentuan saiz sampel seperti yang disyorkan oleh Krejcie dan Morgan (1970). Cara persampelan rawak kelompok digunakan untuk memilih sampel pelajar-pelajar Tingkatan 4 yang belajar di dua buah sekolah menengah di atas. Purata umur responden adalah 16 tahun.

Instrumentasi

Instrumen digunakan dalam kajian ini adalah berbentuk soal selidik. Instrumen yang digunakan adalah mengandungi soalan tentang demografi responden, JEPI (*Junior Eysenck Personality Inventory*), Skala Konsep Diri Tennessee serta pengaruh keluarga. Soal selidik dibahagikan kepada 4 bahagian iaitu bahagian A, bahagian B, C dan bahagian D. Bahagian A mengandungi soalan tentang latar belakang pelajar. Bahagian B pula adalah Inventori personaliti *Eysenck Junior* (JEPI) manakala Bahagian C dan D adalah skala Konsep Diri *Tennessee* serta pengaruh keluarga.

Kajian Rintis

Seramai sepuluh orang pelajar yang bukan responden sebenar telah diambil untuk menjalankan kajian rintis ini. Hasil kajian rintis menunjukkan bahawa terdapat beberapa item dalam soal selidik yang perlu diperbaiki. Item-item ini dipermudahkan susunan ayatnya supaya membawa erti yang sama. Hasil kebolehpercayaan soal selidik Bahagian B, C dan D adalah $\alpha=.57$, $\alpha= .86$ dan $\alpha=.79$.

Analisis Data

Semua data yang dikumpul adalah dianalisis dengan menggunakan program 'Statistical Package for the Social Sciences', SPSS. Untuk melihat hubungan antara pembolehubah dalam kajian ini, analisis korelasi adalah digunakan. Statistik inferensi yang digunakan adalah 'Pearson Product Moment Correlation' analisis korelasi dibuat untuk melihat hubungan antara dimensi personaliti, konsep sendiri dan penglibatan keluarga iaitu untuk menguji hipotesis yang telah dibentuk. Aras signifikan yang digunakan adalah $k=.05$.

Keputusan

Jadual 1: Taburan Dimensi Personaliti Ekstrovert

Dimensi Ekstrovert	Bilangan	Peratus (%)
Introvert	49	22.9
Ekstrovert	165	77.1
Jumlah	214	100.0

Hasil dapatan menunjukkan 49 orang responden atau 22.9 peratus adalah berada pada dimensi Introvert sementara 165 orang responden atau 77.1 peratus adalah pada dimensi Ekstrovert (Jadual 1).

Jadual 2: Taburan Dimensi Personaliti Neurotisme

Dimensi Neurotisme	Bilangan	Peratus (%)
Kestabilan Emosi	120	56.1
Neurotik (Ketidakstabilan Emosi)	94	43.9
Jumlah	214	100.0

Kebanyakan responden (56.1%) berada pada dimensi Kestabilan Emosi, manakala sebahagian responden (43.9%) pada dimensi Neurotik ataupun mempunyai Ketidakstabilan emosi (Lihat Jadual 2).

Jadual 3: Taburan Responden dalam Penipuan

Skala Penipuan	Bilangan	Peratus (%)
Rendah	214	100.0
Tinggi	0	0
Jumlah	214	100.0

Dari Jadual 3 didapati bahawa 214 responden orang responden atau 100 peratus responden adalah berada pada tahap rendah dalam aspek penipuan.

Menguji Hipotesis Kajian

Korelasi Pearson telah digunakan untuk menguji hipotesis yang melihat hubungan atau perkaitan antara pembolehubah-pembolehubah dalam kajian ini.

Menguji Hipotesis Nol Pertama: Tidak terdapat perhubungan signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan konsep sendiri.

Jadual 4: Hubungan antara Dimensi Personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan konsep sendiri Responden

Hubungan Pembolehubah	Nilai Korelasi, r
Dimensi Personaliti Ekstroversi dengan konsep sendiri	.341*
Dimensi Personaliti Neurotisme dengan konsep sendiri	-.373*

*N=214; * $k < 0.01$*

Jadual 4 menunjukkan hubungan antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan konsep sendiri responden. Nilai korelasi r yang diperolehi adalah $r = .341$ menunjukkan hubungan positif di antara dimensi personaliti Ekstroversi dengan konsep sendiri. Dalam analisis hubungan dimensi personaliti Neurotisme dengan konsep sendiri nilai r yang diperolehi adalah $-.373$, menunjukkan terdapat hubungan negatif signifikan antara dimensi personaliti Neurotisme dengan konsep sendiri. Oleh itu, hipotesis nol pertama iaitu tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Neurotisme dengan konsep sendiri adalah ditolak. Hasil kajian mendapati wujudnya hubungan di antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan konsep sendiri.

Menguji Hipotesis Nol Kedua: Tidak terdapat perhubungan signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan Pengaruh Keluarga.

Jadual 5: Hubungan antara Dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan Pengaruh Keluarga

Hubungan Pembolehubah	Nilai Korelasi, r
Dimensi Personaliti Ekstroversi dengan Pengaruh Keluarga	.260*
Dimensi Personaliti Neurotisme dengan Pengaruh Keluarga	-.213*

*N=214; * $k < 0.01$*

Hubungan korelasi di antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan pengaruh keluarga menunjukkan menunjukkan suatu hubungan yang positif ($r = .260$) Manakala, untuk mengkaji hubungan dimensi personaliti Neurotisme dengan pengaruh keluarga, wujudnya hubungan negatif di antara dua pembolehubah tersebut ($r = -.213$). atau songsang yang rendah atau lemah. ini Hasil dapatan membuktikan bahawa terdapat perhubungan signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan pengaruh keluarga.

Menguji Hipotesis Nol Ketiga: Tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pengaruh keluarga.

Jadual 6: Hubungan antara konsep sendiri dengan pengaruh keluarga

Hubungan Pembolehubah	Nilai Korelasi, r
Konsep sendiri dengan Pengaruh Keluarga Secara Keseluruhan	.597*

*N=214; * $k < 0.01$*

Hubungan Konsep Kendiri dengan pengaruh keluarga mendapati suatu hubungan korelasi yang positif ($r = .597$) Oleh itu, hipotesis nol ketiga iaitu tidak terdapat perhubungan antara konsep sendiri dengan pengaruh keluarga secara keseluruhan adalah ditolak; wujudnya hubungan antara konsep sendiri dengan pengaruh keluarga secara keseluruhan.

Menguji Hipotesis Nol Keempat: Tidak terdapat perhubungan signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan kesepaduan keluarga.

Jadual 7: Hubungan antara Dimensi Personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan Kesepaduan Keluarga

Hubungan Pembolehubah	Nilai Korelasi, r
Dimensi Personaliti Ekstroversi dengan Kesepaduan Keluarga	.270*
Dimensi Personaliti Neurotisme dengan Kesepaduan Keluarga	-.291*

*N=214; * $k < 0.01$*

Jadual 7 menunjukkan keputusan analisis korelasi mengenai hubungan dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan kesepaduan keluarga menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi dengan kesepaduan keluarga ($r=.270$). Manakala, untuk mencari hubungan dimensi personaliti Neurotisme dengan kesepaduan keluarga, wujudnya hubungan korelasi negatif ($r=-.291$). Berdasarkan kepada keputusan ini, hipotesis nol keempat yang dibina iaitu tidak terdapat hubungan signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi - dengan kesepaduan keluarga telah ditolak; hasil keputusan mendapati bahawa dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme memang berhubung dengan kesepaduan keluarga.

Menguji Hipotesis Nol Kelima: Tidak terdapat perhubungan signifikan antara konsep sendiri dengan kesepaduan keluarga.

Jadual 8: Hubungan antara konsep sendiri dengan Kesepaduan Keluarga

Hubungan Pembolehubah	Nilai Korelasi, r
Konsep sendiri dengan Kesepaduan Keluarga	.608*

*N=214; * $k < 0.01$*

Hipotesis kelima dibina untuk mengkaji hubungan antara konsep sendiri dengan kesepaduan keluarga mendapati hubungan tersebut adalah signifikan dan positif; $r=.608$ (Lihat Jadual 8). Hipotesis nol kelima yang mengatakan iaitu tidak terdapat hubungan signifikan antara konsep sendiri dengan kesepaduan keluarga adalah ditolak; bahawa terdapat hubungan signifikan antara konsep sendiri dengan kesepaduan keluarga.

Menguji Hipotesis Nol Keenam: Tidak terdapat perhubungan signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan aspek keagamaan dan moral.

Jadual 9: Hubungan Dimensi Personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan aspek Keagamaan dan Moral

Hubungan Pembolehubah	Nilai Korelasi, r
Dimensi Personaliti Ekstroversi dengan Keagamaan dan Moral	.112
Dimensi Personaliti Neurotisme dengan Keagamaan dan Moral	-.123

N=214; k>0.01.

Jadual 9 menunjukkan hubungan dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan keagamaan dan moral mendapati tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi dengan keagamaan dan moral ($r=.112$) dan tidak terdapat hubungan signifikan antara dimensi personaliti Neurotisme dengan keagamaan dan moral ($r= -.123$). Hipotesis nol keenam dalam kajian ini iaitu tidak terdapat hubungan signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan keagamaan dan moral adalah diterima.

Menguji Hipotesis Nol Ketujuh: Tidak terdapat perhubungan signifikan antara konsep sendiri dengan keagamaan dan moral

Jadual 10: Hubungan konsep sendiri dengan keagamaan dan moral

Hubungan Pembolehubah	Nilai Korelasi, r
Konsep sendiri dengan Keagamaan dan Moral	.405*

*N=214; * k<0.01*

Hubungan di antara konsep sendiri dan aspek keagamaan dan moral adalah signifikan dan positif ($r = .405$) (Lihat Jadual 10); ini menunjukkan adanya hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan keagamaan dan moral.

Menguji Hipotesis Nol Kelapan: Tidak terdapat perhubungan signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan Aspek Kebebasan

Jadual 11: Hubungan Dimensi Personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan Aspek Kebebasan.

Hubungan Pembolehubah	Nilai Korelasi, r
Dimensi Personaliti Ekstroversi dengan Kebebasan	.086
Dimensi Personaliti Neurotisme dengan Kebebasan	.076

N=214; k>0.01

Jadual 11 menunjukkan keputusan kajian mengenai hipotesis nol kelapan iaitu hubungan di antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan Aspek Kebebasan ($r = .086$) menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Ekstroversi dengan aspek kebebasan. Di samping itu juga, hubungan dimensi personaliti Neurotisme dengan kebebasan pula mendapati nilai korelasi $= .076$ yang menunjukkan tidak terdapat hubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Neurotisme dengan kebebasan. Oleh itu, hipotesis nol kelapan iaitu yang mengatakan tidak terdapat perhubungan antara dimensi personaliti Ekstroversi-Neurotisme dengan kebebasan adalah diterima. Hasil keputusan mendapati tidak terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti dengan kebebasan.

Menguji Hipotesis Nol Kesembilan: Tidak terdapat perhubungan signifikan antara konsep sendiri dengan kebebasan

Jadual 12: Hubungan konsep sendiri dengan Kebebasan

Hubungan Pembolehubah	Nilai Korelasi, r	Aras Signifikan, p
Konsep sendiri dengan Kebebasan	.053	.439

N=214; k>0.01

Untuk mengkaji hubungan konsep sendiri dengan kebebasan, korelasi Pearson telah digunakan dan mendapati $r = .053$ yang menunjukkan tidak terdapat hubungan signifikan antara konsep sendiri dengan kebebasan. Hasil keputusan ini membawa kepada penerimaan hipotesis nol kesembilan iaitu memang tidak terdapat hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan kebebasan.

Perbincangan

Hasil analisis menunjukkan bahawa terdapat perhubungan yang signifikan antara dimensi personaliti Ekstrovertsi-Neurotisme dengan pengaruh keluarga secara keseluruhan. Individu Ekstrovert dan stabil emosinya mempunyai tahap pengaruh keluarga yang tinggi. Analisis secara lebih terperinci kepada hubungan dimensi personaliti dengan pengaruh keluarga telah dijalankan mendapati dimensi personaliti Ekstrovertsi-Neurotisme mempunyai hubungan yang signifikan dengan kesepaduan keluarga. Keluarga yang sentiasa bersama dan melakukan pelbagai aktiviti bersama menunjukkan kesepaduan keluarga yang kuat. Kesepaduan keluarga yang kuat ini iaitu ibu bapa yang mesra dan yang mencurahkan kasih sayang ke atas anak-anak mereka menyumbang ke arah pembentukan dimensi personaliti Ekstrovert. Sementara itu, ibu bapa yang tidak mesra menyebabkan anak mereka mempunyai dimensi personaliti Introvert. Hasil keputusan kajian ini adalah selaras dengan kajian yang telah dijalankan oleh Siegelman (1965) dan Slater (1962, dalam Hurlock, 1974) yang mendapati penglibatan ibu bapa dan keluarga menghasilkan anak dengan dimensi personaliti Ekstrovert.

Walau bagaimanapun, hasil dapatan yang menunjukkan dimensi personaliti Ekstrovertsi-Neurotisme tidak mempunyai perhubungan yang signifikan dengan aspek keagamaan dan moral serta kebebasan. Ini bererti aspek keagamaan dan moral serta kebebasan adalah nilai-nilai intrinsik yang telah tersemat dalam diri seseorang individu sehinggalah keluarga tidak lagi memainkan peranan yang besar. Kajian ini juga mendapati wujudnya hubungan yang signifikan antara konsep sendiri dengan pengaruh keluarga secara keseluruhan. Ibu bapa dan keluarga didapati mempengaruhi pembentukan konsep sendiri seseorang individu. Analisis secara lebih spesifik menunjukkan bahawa konsep sendiri juga mempunyai perhubungan yang signifikan dengan kesepaduan keluarga serta keagamaan dan moral. Hubungan antara konsep sendiri dengan kesepaduan keluarga adalah kuat manakala, hubungan antara konsep sendiri dengan aspek keagamaan dan moral adalah sederhana kuat. Walau bagaimanapun, konsep sendiri tidak mempunyai perhubungan yang signifikan dengan aspek kebebasan.

Hasil kajian ini adalah selari dengan keputusan kajian yang telah dijalankan oleh Fantuzzo et.al. (1995) yang mendapati penglibatan ibu bapa dalam aktiviti seharian dan aktiviti pembelajaran anak-anak mereka menyumbang ke arah pembentukan konsep sendiri anak yang tinggi. Anak ini akan bertingklahlu dengan baik dan memperolehi pencapaian akademik yang tinggi. Keputusan kajian yang didapati dalam kajian ini juga sepadan dengan hasil kajian yang telah dijalankan oleh Rahmad (1991, dalam Noor sa'adah 1999) yang mendapati terdapat perhubungan yang positif antara konsep sendiri remaja dan kesepaduan keluarga.

Keluarga adalah penting sebagai institusi utama dalam usaha menginternalisasikan norma-norma masyarakat. Nilai-nilai ini yang diinternalisasikan akan menjadi sebahagian daripada diri individu itu dan individu akan mempertahankannya kerana ia telah sebatikan dengan dirinya. Ikatan antara anak remaja dan ibu bapa akan menghalang remaja tersebut daripada terjebak dalam tingklahlu devian kerana tingklahlu devian ini akan menggugat hubungan mereka dengan ahli keluarga mereka. (Hirschi, 1969). Menurut Bowlby (1952) pula, ibu bapa

menyediakan satu asas jaminan yang teguh dari segi emosi dan fizikal bagi anak-anak mereka. Ini memberikan anak-anak mereka kebebasan untuk meneroka ke alam lain dan kembali semula ke keluarga jika mereka menghadapi keadaan atau situasi yang sukar. Asas jaminan ini wujud jika ibu bapa bersifat penyayang, prihatin dan responsif serta sedia membantu dan menyediakan satu sokongan yang teguh sehingga terbentuk ikatan emosi anak terhadap ibu bapa. Ikatan emosi ini menyediakan satu asas terjamin yang memberi peluang kepada anak-anak mencari identiti dan otonomi sendiri (Violato & Russel, 1994). Dalam hal ini, ibu bapa dan ahli keluarga iaitu orang-orang signifikan haruslah dapat menghantar mesej positif yang membuat anak merasa dirinya diterima, dihargai, disayangi dan seterusnya membentuk konsep sendiri yang positif. Ibu bapa haruslah dapat menerima anak mereka tanpa apa-apa syarat.

Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan sebagai panduan untuk diaplikasikan. Antaranya ialah:

1. Ibu bapa harus menyedari betapa pentingnya pengaruh keluarga terhadap aspek kesepaduan keluarga, keagamaan dan moral serta kebebasan kepada pembentukan dimensi personaliti dan Konsep Diri seseorang anak. Gaya keibubapaan, cara asuhan dan nilai-nilai yang dipegang oleh mereka serta segala tindak tanduk mereka adalah mempengaruhi kehidupan anak-anak mereka.
2. Dicapangkan juga supaya Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) sekolah dapat berfungsi dengan lebih aktif dan produktif. Pihak ibu bapa dan guru-guru di sekolah haruslah dapat bersama-sama merangka aktiviti-aktiviti yang boleh mengeratkan lagi hubungan ibu bapa dengan anak-anak mereka.
3. Pihak sekolah haruslah mengenalpasti aspek latar belakang keluarga pelajar, dimensi personaliti serta Konsep Diri pelajar sendiri selain melihat pencapaian akademik sahaja. Pihak pengurusan sekolah, Unit Hal Ehwal Pelajar dan Unit Bimbingan dan Kaunseling haruslah sama-sama terlibat dalam hal ini.
4. Para pelajar haruslah diberikan pendedahan kepada pembinaan diri melalui program motivasi dan ceramah. Latihan Dalam Kumpulan haruslah boleh dijalankan untuk membina keyakinan diri, semangat berkumpulan serta mengajar pelajar berdikari.
5. Guru-guru di sekolah haruslah diberikan pendedahan tentang pentingnya melibatkan ibu bapa dalam aktiviti dan program di peringkat sekolah. Para guru boleh berbincang dengan ibu bapa untuk mengenali pelajar dan memahami masalah yang dialami oleh mereka di rumah.
6. Orang signifikan adalah penting dan memainkan peranan penting dalam pembentukan Konsep Diri dan dimensi personaliti pelajar. Guru yang merupakan insan yang selalu bersama pelajar adalah salah satu orang signifikan yang menjadi model ikutan para pelajar.

Penyelidik ingin mengemukakan beberapa cadangan yang boleh dibuat oleh penyelidik lain pada masa akan datang. Kajian ini telah dijalankan ke atas pelajar-pelajar Tingkatan 4 yang berumur di sekitar 15 - 16 tahun di Tanah perancangan FELDA. Kajian yang serupa boleh diperluaskan dengan menambah saiz sampel dan julat umur responden iaitu dari yang berumur 13 hingga 18 tahun. Kajian ini adalah kajian berbentuk kuantitatif. Kajian lanjutan yang menggabungkan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif boleh dijalankan. Kaedah penyelidikan kualitatif yang boleh dijalankan adalah secara pemerhatian responden apabila mereka berada bersama keluarga mereka. Kajian yang serupa juga boleh dijalankan dengan membuat perbandingan antara pelajar dari keluarga yang utuh dan keluarga ibu atau bapa tunggal.

Rujukan

- Allport, G. W. (1971). *Personality: A Psychological Interpretation*. London: Redwood Press Limited.
- Atan Long. (1982). *Psikologi Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Bischof, L. J. (1991). *Interpreting Personality Theories. 2nd ed*. New York: Harper & Rows Publishers, Inc.
- Bowlby, J. (1952). *Maternal Care and Mental Health*. Geneva: World Health Organization
- Burns, R. B. (1979). *The Self Concept: Measurement, Development and Behaviour*. London: Longman
- Cattell, Raymond B. (1965). *The Scientific Analysis of Personality*. Middlesex: Penguin Books.
- Chiam, Heng Keng. (1978). Tennessee Self Concept Scale: Its Validity. *Journal of Educational Research*. Fakulti Pendidikan Universiti Malaya. 8(81), 51 - 5
- Coopersmith, S. (1967). *The Antecedents of Self Esteem*. San Francisco: Freeman.
- Eysenck, H. J. (1947) *Dimensions of Personality*. London: Routledge and Kegan Paul.
- Engler, B. (1985). *Personality Theories: An Introduction. (2nd ed)*. Boston: Houghton Mifflin Co.
- Fantuzzo, John, W; Davis, Gwendolyn, Y. & Ginsburg, Marika D. (1995). Effects of Parental Involvement in Isolation or with Combination with peer Tutoring on Student Self Concept and Mathematical Achievement. *Journal of Educational Psychology*. 87(2), 272-281.
- Habibah Alias dan Noran Fauziah Yakub. (1997). *Psikologi Personaliti*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Halimah Abdul Rahman & Kamariah Ibrahim. (1993). *Pengurusan dan Pengelolaan Pusat Pra Sekolah*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Hamachek, Don, E. (1971). *Encounters With the Self*. New York: Holt, Rinehart and Winston, Inc.
- Hirschi, Travis. (1969) *Causes of Delinquency*. California: University of California Press.
- Hurlock, Elizabeth Bergner. (1974). *Personality Development*. New York: McGraw-Hill Book Company.
- Kamal Abd. Manaf. (1996). *Manusia dan Personaliti: Membentuk Insan yang Sempurna*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd.

- Kamaruddin Hj. Husin (1996). *Sekolah dan Perkembangan Kanak-kanak*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributors Sdn. Bhd Lahey, Benjamin B. (1995). *Psychology: An Introduction*. USA: C. Brown Communication, Inc.
- Krejcie, R. V. & Morhaan, D. W. (1970). Determining Sample Size for Research. *Educational and Psychological Measurement*. 30, 607 - 610.
- Manja Mohd. Ludin (1990). *Psikologi, Sosiologi dan Falsafah dalam Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Marsh, H.W. & Gouvenet, P. J. (1989). Multidimensional Self Concept dan Perceptions of Control: Construct Validation of Responses by Children. *Journal of Educational Psychology*. Vol. 81. No. 1, 57 - 69.
- Mizan Adiliah et. al. (2000). *Konsep Kendiri: Anda adalah Apa yang Anda Fikirkan*. Kuala Lumpur: Planet Ilmu Sdn. Bhd.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar. (1999). *Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit UTM.
- Mohamed Nor Che Nor. (1990) *Asas-asas Pendidikan*. Kuala Lumpur: Flo Enterprise.
- Munn, N. L.; Fernald, L. D. & Fernald, P.S. (1969). *Introduction To Psychology*. New York: McGraw Hill Book Co.
- Noor Sa'adah Bte Royani (1999). Hubungan di antara Konsep Kendiri dengan Pencapaian Akademik Pelajar. *Tesis UTM*.
- Robiah Sidin & Zaiton Sidin. (1987). *Sosiologi Pendidikan / Olive Banks*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Rogers, S. R. (1951) *Client Centred Therapy*. Boston: Houghton Mifflin.
- Siegelman, M (1965). College Student Personality Correlates of Early Parent-Child Relationships. *Journal of Consultation Psychology*, 29, 558 - 564.
- Siti Sara Bt. Hamzah. (2000). Hubungkait di antara Konsep Kendiri dengan Permasalahan disiplin di Kalangan Pelajar Tingkatan Dua dan Tingkatan Empat Sekolah-sekolah di Kawasan Bandar Kota Tinggi: Satu Tinjauan. *Tesis UTM*.
- Violato, C. & Russell, C. (1994). Effects of nonmaternal care on child development: A meta-analysis of published research. *Paper presented at the 55th Annual Convention of the Canadian Psychological Association*, Penticton, British Columbia: Canada.